



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

e-Filing Bagi Tahun Taksiran 2015

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) **Tahun Taksiran 2015** melalui **e-Filing** bagi Borang **E, BE, B, BT, P, M, MT** dan **TF** boleh dilakukan **mulai 1 Mac 2016**.
2. Bagi Borang BE, pembayar cukai juga boleh mengemukakan borang tersebut menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet melalui aplikasi Mobile Filing (m-Filing).
3. e-Filing dan m-Filing merupakan aplikasi **PERCUMA** yang disediakan oleh LHDNM untuk memudahkan pembayar cukai melengkapkan dan mengemukakan BNCP secara elektronik melalui internet.
4. Aplikasi ini boleh dicapai terus melalui portal rasmi LHDNM www.hasil.gov.my .
5. LHDNM menyeru semua pembayar cukai agar mengemukakan BNCP mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang penalti lewat hantar BNCP dikenakan terhadap mereka.

6. Tarikh akhir pengemukaan BNCP Tahun Taksiran 2015 bagi Borang **E, BE, B, BT, P, M, MT** dan **TF** secara **Borang Kertas (manual)** adalah seperti berikut:

Jenis-jenis Borang	Penerangan	Tarikh Akhir MENGHANTAR Borang dan MEMBAYAR Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2015
E	Borang Nyata oleh Majikan	31 Mac 2016
BE	Borang Nyata Individu (Pemastautin yang tidak menjalankan perniagaan)	30 April 2016
B	Borang Nyata Individu (Pemastautin yang menjalankan perniagaan)	30 Jun 2016
P	Borang Nyata Perkongsian	
BT	Borang Nyata Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran)	30 April 2016 (Tidak Menjalankan perniagaan)
M	Borang Nyata Individu (Bukan Pemastautin)	
MT	Borang Nyata Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)	
TF	Borang Nyata Pertubuhan	

7. Pembayar cukai boleh merujuk pautan berikut untuk sebarang maklumat **tambahan masa** untuk mengemukakan BNCP secara e-Filing:

http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBNCP_2016_a1.pdf

8. Pembayar Cukai yang belum pernah menggunakan aplikasi e-Filing sebelum ini perlu memohon nombor PIN e-Filing terlebih dahulu dari kaunter khidmat pelanggan LHDNM.
9. Manakala bagi pembayar cukai yang terlupa kata laluan e-Filing dan mempunyai e-mel berdaftar dengan LHDNM pula, mereka boleh set semula (*reset*) kata laluan melalui menu Terlupa Kata Laluan di portal ezHASiL.
10. Bagi pembayar cukai yang tidak mempunyai e-mel berdaftar dengan LHDNM, mereka perlu hadir ke kaunter khidmat pelanggan LHDNM untuk mendapatkan Kod Pengaktifan Sementara kata laluan e-Filing mereka. Sila bawa bersama-sama kad pengenalan atau pasport sebagai pengesahan dan rekod.
- 11. Adalah diingatkan bahawa permohonan untuk *reset* kata laluan e-Filing menggunakan selain daripada kaedah-kaedah di atas tidak akan dilayan.**
12. LHDNM menjangkakan akan menerima lebih 4.2 juta BNCP daripada pelbagai kategori pembayar cukai melalui kaedah e-Filing pada tahun ini berbanding hanya 4,166,177 BNCP pada tahun 2015.

Maklumat lanjut sila layari www.hasil.gov.my atau hubungi 1-800-88-5436

###

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📞 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Laman Web : www.hasil.gov.my

Tarikh : 20 Februari 2016

Kenyataan Media LHDNM, 20 Februari 2016